

13 JAN 1998

LABUR DALAM SAHAM PERLADANGAN, KATA MAHATHIR

BANGI, 13 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa rakyat Malaysia supaya bergantung pada kemampuan dan peluang-peluang di dalam negara dan bukannya terlalu bimbang tentang pelaburan asing ke negara ini.

Katanya rakyat Malaysia seharusnya mula melabur dalam saham-saham perladangan seperti syarikat-syarikat berasaskan kelapa sawit kerana komoditi tersebut kini berharga tinggi.

Minyak sawit kini lebih menguntungkan daripada sebelumnya, namun harga-harga saham perladangan kian merosot," katanya.

Perdana menteri berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT) di Dengkil di sini.

Dr Mahathir berkata malangnya, harga minyak sawit yang tinggi tidak tercermin pada harga-harga saham sesetengah saham yang berasaskan perladangan.

"Inilah masa terbaik untuk membeli saham-saham perladangan," katanya, sambil menambah bahawa jikapun "harga-harga saham tidak naik, ia tidak menjadi masalah selagi syarikat-syarikat terbabit meraih keuntungan."

Beliau berkata rakyat Malaysia seolah-olah lebih berminat dalam keuntungan modal dan melihat harga-harga saham meningkat, tetapi bukan dalam prestasi syarikat.

Dr Mahathir berkata jika rakyat Malaysia tidak berminat untuk berbuat sesuatu dan tidak mahu melabur, maka pemulihan ekonomi negara akan menjadi lebih perlahan.

Menyentuh tentang penggunaan penemuan penyelidikan tempatan oleh sektor swasta, beliau berkata kadarnya amat perlahan dan sungguh mengecewakan sambil menambah bahawa tidak banyak syarikat yang tampil ke hadapan untuk menggunakan penemuan penyelidikan untuk tujuan perdagangan. Oleh yang demikian banyak kerja penyelidikan yang diusahakan menjadi sia-sia sahaja, katanya.

"Jika agensi-agensi kerajaan boleh mendapat manfaat daripada mengguna kerja penyelidikan seumpama itu yang dilaksanakan oleh institut-institut penyelidikan tempatan, saya tidak nampak mengapa sektor swasta tidak boleh mendapat manfaatnya juga."

Katanya sektor swasta terlalu leka dengan kegiatan yang mendatangkan keuntungan segera seperti pembangunan perumahan, yang tidak memerlukan banyak kemahiran.

"Tetapi jika anda boleh menukarkan penemuan penyelidikan dan digunakan untuk tujuan perdagangan dan memasarkannya, maka usaha dalam kegiatan penyelidikan akan menghasilkan buah."

Mengenai langkah penjimatan pula, Dr Mahathir berkata institut penyelidikan malahan terpaksa berjimat cermat dan menjimatkan dana di mana perlu kerana terdapat kes di mana terdapat perbelanjaan yang tidak diperlukan berlaku. -- BERNAMA

DVS MA